



GERAI penjaja dipercayai milik warga asing di sekitar Jalan Jernai 1 dan Jernai 3, Medan Idaman, Gombak disita. - Gambar FACEBOOK DBKL

## DBKL sita 9 gerai penjaja warga asing

**Gombak:** Sembilan gerai penjaja dipercayai milik warga asing di sekitar Jalan Jernai 1 dan Jernai 3, Medan Idaman di sini, disita dalam operasi dijalankan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), kelmarin.

DBKL menerusi satu kenyataan berkata, operasi dilaksanakan Jabatan Penguatkuasaan bersama Pejabat Cawangan Wangsa Maju membabitkan penjaja warga asing yang menjalankan perniagaan tanpa lesen.

“Dalam tindakan khas berkenaan, sebanyak sembilan tindakan sita

serta-merta dilaksanakan mengikut Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja (WPKL) 2016.

“Semua barangan yang disita dibawa ke Setor Sitaan Jalan Lombong, Taman Miharja, Cheras untuk tindakan rekod dan dokumentasi,” katanya dalam kenyataan di Facebook.

DBKL berkata, pihaknya akan meneruskan tindakan dan pemantauan semasa ke semasa di lokasi tumpuan yang dikenal pasti.

“Sebarang aduan boleh berhubung atau menyalurkan maklumat di pautan <https://adukl.dbkl.gov.my/>,” katanya.